

**BN bawa usul gesa Selangor kaji kenaikan harga rumah
Malaysian Insider
Jun 18, 2014
Oleh Jamilah Kamarudin**

Barisan Nasional (BN) Selangor mengemukakan usul dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) meminta kerajaan negeri membuat laporan kajian terperinci berkenaan faktor kenaikan harga rumah mendadak di negeri itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Panjang Budiman Mohd Zohdi dalam usulnya berkata, kajian unjuran kenaikan rumah di Selangor meningkat sebanyak 7% setiap tahun.

"Majoriti harga rumah biasa 24x70 kaki bagi rumah teres berkembar adalah RM400,000, bayangkan macam mana mereka yang baru nak mula kerja berapa agaknya gaji dan nilai rumah yang mereka boleh beli," soalnya.

Budiman berkata, kajian menunjukkan rumah berharga RM480,000 akan naik sehingga mencecah RM800,00 pada tahun 2020.

"Untuk seorang anak muda memiliki RM800,000, setidak-tidaknya dia mesti bergaji RM12,000 sebulan, sebab itu minta kerajaan negeri buat kajian.

"Selangor ada 5.5 juta penduduk; 1.56 juta miskin dan 1.36 juta miskin bandar, bagaimana dasar kerajaan negeri cukup menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan rendah dan sederhana?" katanya.

Beliau turut membidas caj tambahan pemajuan sebanyak 30% yang perlu dibayar pemaju kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) berstatus bandaraya dan majlis perbandaran, manakala 20% bagi majlis daerah.

"Ada tiga jenis caj pemajuan iaitu caj terhadap perubahan penggunaan tanah, perubahan ketumpatan dan perubahan luas lantai," katanya.

Katanya, caj tambahan yang diwartakan kerajaan Pakatan Rakyat sejak November 2010 itu akhirnya akan mempengaruhi kenaikan harga rumah dan membebankan pengguna.

Beliau turut mempersoalkan peranan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang didakwa kini sudah kurang menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat.

Katanya, dasar rumah mampu milik yang diperkenalkan kerajaan juga tidak mencukupi dan tidak dibina di kawasan pedalaman.

Bagaimanapun, usul Budiman itu tidak dipersetujui Dewan selepas Adun Pakatan Rakyat bangkit mengemukakan hujah alasan kenaikan harga barang dan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebagai antara punca kenaikan kos harga rumah.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim juga semasa sesi penggulungan berkata, kewujudan unsur spekulasi dan pembinaan rumah secara "cross subsidy" sebagai punca utama kenaikan harga rumah mendadak di Selangor. – 18 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-bawa-usul-gesa-selangor-kaji-kenaikan-harga-rumah>